



UiTM@Media **2016**



Gemilang Alumni



UiTM@Media
2016

Utusan Melayu universiti pertama Normala

TEMPOH 37 tahun berkecimpung dalam bidang kewartawanan bagaikan tidak cukup untuknya menabur bakti. Sejak bersara pada Januari 2015, Normala Hamzah, 60, kini aktif melakukan kerja-kerja kebajikan.

"Saya bukan jutawan. Saya hanya seorang bekas wartawan yang melihat manusia lain sebagai keluarga dan sahabat yang perlu dibantu.

"Semoga Allah buka pintu hati saya untuk terus berbakti dan berbuat kebajikan selagi terdaya. Jiwa saya tenang dan bahagia kalau dapat tolong orang," begitu ungkapan bekas wartawan akhbar terbitan Utusan Melayu (M) Bhd. dalam satu wawancara baru-baru ini.

Anak kelahiran Alor Setar, Kedah itu menceburi bidang kewartawanan pada umur 18 tahun. Karier kewartawanannya bermula dengan akhbar tabloid *Bintang Timur* di bawah Kumpulan Utusan, Warta Negara Press Sdn. Bhd.

Normala berpindah ke Kuala Lumpur pada 1979 dan berkhidmat di ibu pejabat Utusan Melayu, Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur.

Sepanjang tempoh 37 tahun dengan Utusan Melayu, beliau meraih pengalaman bekerja di Meja Luar Negara, *Mingguan Malaysia* (13 tahun), Meja Keluarga dan Wanita dan di bahagian majalah, *Wanita*.

Utusan Melayu adalah 'universiti pertama' Normala

dan saya berjaya membuktikan tanpa kelulusan tinggi juga seseorang itu boleh berjaya.

"Banyak yang saya pelajari sebagai wartawan, bergaul dengan semua kategori manusia. Dari serendah-rendah pangkat hingga ke peringkat paling atas, ibaratnya saya pernah bermain lumpur di sawah padi sampai kepada memijak tangga istana," kata Normala.

Kemuncak kerjaya beliau apabila ditugaskan menulis kisah pelayaran Sultan Selangor sekarang, Sultan Sharafuddin Idris Shah sebaik sahaja baginda kembali dari mengelilingi dunia dengan Jugra, kapal layar peribadi baginda.

"Baginda belayar sejauh 27,940 batu nautika dan berhenti di 155 buah pelabuhan selama 644 hari dan berakhir pada 6 November 1996.

"Selama enam bulan, dua kali seminggu saya mengadap dan menemu ramah baginda untuk berkongsi pengalaman baginda mengelilingi dunia bersama kapal layar Jugra. Kisah ini disiarkan setiap hari Ahad sebanyak 35 siri di dalam akhbar nombor satu negara, *Mingguan Malaysia* pada 1997," kata Normala.

Kerja kebajikan

Satu lagi pengalaman yang tidak boleh dilupakan ialah menjadi wartawan pertama diberi perkenan untuk menemu ramah Siti Aishah semasa baginda menjadi Tengku Permaisuri Selangor dan Raja

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

berjaya menyambung pelajaran ke Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada usia 45 tahun.

Belajar secara sambilan sudah tentunya banyak tekanan tetapi Normala berjaya menghabiskan pengajian pada tahun 2001 dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pengajian Media dan Komunikasi Massa (Kewartawanan).

Melakukan kerja-kerja kebajikan sudah sebatu dalam diri Normala sejak beliau di bangku sekolah lagi.

"Hati saya yang mendorong ke arah itu, berbuat kebajikan sebanyak mungkin, selagi terdaya dengan izin Allah. Sejak sekolah, saya suka menolong orang sehinggalah bekerja. Dengan keluarga pun begitu.

"Saya puas jika dapat tolong orang. Tidak kira apa bentuk pertolongan, saya akan lakukan. Jika tolong saya akan tolong habis-habisan, seikhlas hati. Saya selalu berdoa kepada Allah, mohon diberi kesihatan yang baik dan kudrat supaya saya dapat berbuat kebajikan kepada sesiapa sahaja khususnya kepada masyarakat yang memerlukan," kata Normala.

Antara projek kebajikan yang turut digerakkannya ialah Projek Wakaf Telekung iaitu Wakaf Telekung Siti Aishah yang dilancarkan pada 26 Mei lepas oleh Siti Aishah.

"Projek ini saya ilhamkan bersama D'or Rue Sdn. Bhd., kilang pengeluar aksesori wanita dan cenderamata, hasil perbincangan dengan Pengarah Urusannya, Hanizah Zainuddin," katanya.

Normala turut membantu program kebajikan untuk gelandangan di sekitar Kuala

Lumpur. Program yang diberi nama Krew Kasih Gelandangan ini dinaungi oleh Senator Shahanim Mohamad Yusof.

Program berjumpa dan memberi makanan kepada gelandangan ini dibuat setiap bulan dan dilaksanakan lebih setahun lepas.

Normala juga menyertai program kebajikan di luar negara iaitu Program ke Aceh, anjuran Yayasan Qaseh ZYPHOTO. Ia diketuai Pengarah Urusan ZYPhoto Sdn. Bhd., Sharifah Ameelia Akma.

Tulis buku


Sebagai wartawan, menulis sudah menjadi darah daging. Di penghujung kariernya dengan Utusan Melayu, Normala menghasilkan sebuah buku *coffee-table*.

Beliau menyifatkan buku itu sebagai permata untuk dirinya setelah 37 tahun bekerja sebagai wartawan.

"Buku *Coffee-Table* yang dinamakan *Permaisuri* ini adalah ilham saya sendiri. Ia mengandungi biografi 14 orang Raja Permaisuri Agong dari yang pertama hingga kini dan diterbitkan oleh Utusan Karya Sdn. Bhd.

"Buku kedua saya diterbitkan oleh JMD Publications Sdn. Bhd., bertajuk *Rahsia Hidup Ibu Halimah*, kisah hidup Pengasas Jamu Mak Dara, Halimah Shuib dan anaknya, Syed Muhammad Gadaffi Alhabsyee, Pengarah Urusan Jamu Mak Dara. Buku ini telah berada di pasaran sejak Oktober 2015," kata Normala, ibu kepada empat cahaya mata dan empat orang cucu.
- Bernama

MEMBANTU gelandangan di sekitar Kuala Lumpur antara kerja-kerja kebajikan yang dilakukan Normala.



- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminaljah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

